LAWKIR SINGH HARI SINGH lwn.
LEMBAGA PENCEGAHAN JENAYAH & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
HASSAN ABDUL GHANI PK
[PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO: 25-04-03-2016]
20 NOVEMBER 2016

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman – Permohonan – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 53 – Tahanan salah – Cabaran terhadap keesahan perintah perubahan pengawasan – Sama ada terdapat kekaburan dan kekeliruan dalam perintah – Kelewatan penyerahan perintah perubahan pengawasan selama 144 hari – Sama ada satu kecacatan prosedur mandatori – Sama ada terdapat ketidakpatuhan s. 15(1) & (3) Akta Pencegahan Jenayah 1959*

PROSEDUR JENAYAH: *Tahanan salah – Dakwaan – Cabaran terhadap keesahan perintah perubahan pengawasan – Sama ada terdapat kekaburan dan kekeliruan dalam perintah – Kelewatan penyerahan perintah perubahan pengawasan selama 144 hari – Sama ada satu kecacatan prosedur mandatori – Sama ada terdapat ketidakpatuhan s. 15(1) & (3) Akta Pencegahan Jenayah 1959*

Pemohon yang kini sedang ditahan di bawah satu perintah perubahan pengawasan polis yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah ('LPJ') selaras dengan s. 15 dan s. 15(3) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('Akta tersebut') telah memfailkan satu permohonan semakan kehakiman di bawah A. 53 Kaedah-Keadah Mahkamah 2012. Latar belakang kes adalah bahawa pemohon ditangkap di bawah s. 3(1) Akta tersebut. Inkuiri ke atas pemohon telah dijalankan oleh pegawai inkuiri, selaras dengan peruntukan s. 9 tersebut. Pegawai inkuiri berpuas hati terdapat alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pemohon ialah orang yang menganggotai kumpulan yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, dan oleh itu pemohon termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan, perenggan 2 Bahagian 1, Jadual Pertama, Akta tersebut. LPJ telah mengeluarkan perintah pengawasan polis selama empat tahun di Mukim Telang, Daerah Lipis, Negeri Pahang di bawah s. 15 Akta tersebut. Selanjutnya, LPJ bersidang sekali lagi dan susulan itu telah mengeluarkan perintah perubahan pengawasan polis di bawah s. 15(3) Akta tersebut terhadap pemohon, menghendaki pemohon untuk tinggal di kawasan Mukim Gua, Daerah Lipis, Negeri Pahang bagi baki tempoh pengawasan polis pemohon. Dua isu utama yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah bagi mencabar keesahan perintah perubahan pengawasan tersebut adalah (i) ketidakpatuhan pada s. 15(1) Akta tersebut kerana Balai Polis Padang Tengku bukan terletak di bawah Mukim Telang, Kuala Lipis tetapi di bawah Mukim Gua Kuala Lipis; dan (ii) ketidakpatuhan pada s. 15(3) Akta tersebut kerana kelewatan responden menyampaikan perintah perubahan pengawasan kepada pemohon.

Diputuskan (membenarkan permohonan pemohon):

(1) Adalah mencukupi bagi seorang pemohon mendakwa bahawa beliau berada di bawah tahanan salah dan beban membuktikan beralih kepada pihak responden-responden untuk memuaskan mahkamah bahawa penahanan pemohon adalah sah bukan sahaja mengikut prosedur mandatori yang ditetapkan di bawah Akta tersebut bahkan mengikut perlindungan yang telah diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah per. 5 (*SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors*). (perenggan 20)

(2) Apabila pihak responden sendiri telah mengubah perintah pengawasan maka responden sendiri terkeliru dengan mukim sebenar di mana pemohon ditempatkan. Ia juga bermakna LPJ sendiri telah sedar ada kekaburan dalam perintah yang telah dikeluarkan tersebut. Manifestasi daripada tindakan LPJ ini adalah jelas iaitu sewaktu LPJ mengeluarkan perintah pengawasan dan memerintahkan pemohon tinggal dalam kawasan Mukim Telang, Daerah Lipis Negeri Pahang di bawah s. 15(1) Akta tersebut, minda LPJ tidak terarah bahawa Mukim Telang adalah berbeza dengan Mukim Gua atau dalam erti kata lain Mukim Gelang adalah satu mukim yang berlainan atau berasingan dengan Mukim Gua. Apabila kewujudan kekeliruan dan kekaburan apakah mukim sebenar pemohon dikehendaki tinggal, maka faedah keraguan ini mestilah diberikan kepada pemohon. (perenggan 33)

(3) Seksyen 15(1) Akta tersebut jelas memperuntukkan bahawa 'orang berdaftar itu hendaklah dihantarkan di bawah pengawasan polis ke negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung yang mana dia dikehendaki bermastautin'. Oleh kerana responden sendiri terkeliru dengan isu Mukim Balai Polis Padang Tengku sedangkan nas-nas memutuskan dalam hal perkara yang melibatkan kebebasan individu responden perlu mematuhi dengan ketat tempat dan terma-terma yang dinyatakan dalam perintah, dan sebarang pelanggaran tempat yang dinyatakan boleh menyebabkan tahanan atau perintah pengawasan tidak sah maka mahkamah ini telah memberikan faedah keraguan kepada pemohon atas isu ini. Adalah jelas terdapat 'technical defects' yang menyebabkan perintah itu tidak sah yang melibatkan kebebasan pemohon. (perenggan 33-37)

(4) Kegagalan responden meminta pihak pemohon menurunkan tanda tangan pada perintah perubahan pengawasan dan kegagalan responden mengikrarkan afidavit menyebabkan responden tidak dapat menyangkal alegasi pemohon bahawa perintah perubahan pengawasan itu hanya diserahkan kepada mereka pada 5 Mei 2016 iaitu kelewatan selama 144 hari sedangkan sepatutnya perintah tersebut patut diserahkan dengan segera kepada pemohon. Oleh itu, adalah jelas bahawa perintah perubahan pengawasan diserahkan lewat kepada pemohon yang

sepatutnya diserahkan dengan kadar segera. Ia adalah satu kecacatan prosedur mandatori yang mewajarkan pemohon mempertikaikan perintah tersebut. (perengan 62)

Kes-kes yang dirujuk:

Chow Mi Choi v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah [2015] MLJU 696 ***(dirujuk)***

Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2015] 5 CLJ 223 HC ***(dirujuk)***

Kumareshan Subramaniam v. Dato' Chor Chee Heung & Anor [2003] 4 CLJ 116 HC ***(dirujuk)***

Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2005] 3 CLJ 914 FC ***(dirujuk)***

Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687 FC ***(dirujuk)***

Nagaraja Ponusamy v. Menteri dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 4 CLJ 133 FC ***(dirujuk)***

Ng See Kit lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2017] 2 CLJ 694 HC ***(dirujuk)***

Oo Hua Lai lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Satu Lagi [1990] 2 CLJ 368; [1990] 1 CLJ (Rep) 438 HC ***(dirujuk)***

Ooi Cheng Aun v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors [1990] 1 LNS 59 HC ***(dirujuk)***

Poh Chin Kay v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor And Other Appeals [1990] 1 LNS 26 SC ***(dirujuk)***

Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC ***(dirujuk)***

SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***

Soo Chong Liang v. Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors (Judicial Review No 25-04-02-2015) (Unreported)

Su Yu Min v. Ketua Polis Negeri & Ors [2005] 3 CLJ 875 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Federal Constitution, art. 5

Prevention of Crime Act 1959, s. 3(1), 4(1)(a), (2)(a), 9, 10(2), (4), 11(1), 15(1), (2), (3), 15A, First Schedule Part 1 para 2

Rules of Court 2012, O. 53

Bagi pihak pemohon - Nordiana Mohmd; T/n KL Chee & Co
Bagi pihak responden-responden - Siti Hajar Mat Radzi; Peguam Persekutuan

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Hassan Abdul Ghani PK:

Pengenalan

[1] Pemohon yang kini sedang ditahan di bawah satu perintah perubahan pengawasan polis yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) selaras dengan s. 15 dan s. 15(3) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) (Akta tersebut) telah memfailkan satu permohonan semakan kehakiman di bawah A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

A **[2]** Pemohon di dalam kes ini telah diberi kebenaran oleh mahkamah ini untuk memulakan prosiding semakan kehakiman terhadap keempat-empat responden pada 11 Mei 2016.

Latar Belakang Kes

B **[3]** Pada 15 Oktober 2015 pemohon telah ditangkap di bawah s. 3(1) Akta tersebut di perkarangan Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya, Subang Jaya, Selangor. Pada hari yang sama suatu perintah reman selama 21 hari di bawah s. 4(1)(a) Akta tersebut telah diperolehi terhadap pemohon iaitu berkuat kuasa sehingga 4 November 2015.

C **[4]** Pada 4 November 2015, suatu perintah reman selanjutnya selama 38 hari telah diperolehi terhadap pemohon di bawah s. 4(2)(a) Akta tersebut iaitu berkuat kuasa sehingga 11 Disember 2015.

[5] Pada 26 November 2015, inkuiri ke atas pemohon telah dijalankan oleh pegawai inkuiri, Kugan a/l Gopalan selaras dengan peruntukan s. 9
D Akta tersebut. Setelah mendengar dan menimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh pemohon, pegawai inkuiri berpuas hati terdapat alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pemohon ialah orang yang menganggotai kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan-kesalahan di bawah
E Kanun Keseksaan, dan oleh itu pemohon adalah termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan, perenggan 2 Bahagian 1, Jadual Pertama, Akta tersebut.

[6] Pegawai inkuiri telah menyediakan dapatannya dan pada 1 Disember 2015, beliau telah mengemukakan sesalinan dapatannya menurut s. 10(2)
F Akta tersebut dan sesalinan borang 1 di bawah s. 11(1) Akta tersebut kepada Asisten Superintenden Polis (ASP) Erman bin Yunus untuk diserahkan kepada pemohon.

[7] Pada 1 Disember 2015, ASP Erman bin Yunus telah menyerahkan sesalinan dapatan pegawai inkuiri serta borang I kepada pemohon. Pada
G tarikh yang sama pemohon telah memaklumkan kepada ASP Erman, beliau berpuas hati dengan dapatan pegawai inkuiri dan tidak bercadang untuk membuat kajian semula atas dapatan tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah s. 11 Akta tersebut.

H **[8]** Pada 2 Disember 2015, pegawai inkuiri telah mengemukakan laporan lengkapnya secara bertulis berserta dapatannya menurut s. 10(2) Akta tersebut dan borang I kepada Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ).

[9] LPJ telah menerima sesalinan borang I di bawah s. 11(1) Akta tersebut memaklumkan pemohon tidak bercadang untuk membuat kajian semula
I berhubung dapatan yang telah dibuat terhadap pemohon.

[10] Pada 18 Disember 2015, pendaftar jenayah, ASP Mohd Roslan bin Omar telah mendaftarkan nama pemohon di dalam daftar jenayah dan telah memaklumkan kepada LPJ bahawa nama pemohon telah didaftarkan di dalam daftar jenayah pada hari yang sama.

[11] Pada 18 Disember 2015 jam 11 pagi, LPJ telah bersidang dan telah membuat kesimpulan bahawa pemohon adalah termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan di bawah perenggan 2, Bahagian 1, Jadual Pertama, Akta tersebut.

[12] Pada hari yang sama, LPJ telah mengeluarkan perintah pengawasan polis selama empat tahun mulai 18 Disember 2015 hingga 17 Disember 2019 di Mukim Telang, Daerah Lipis, Negeri Pahang di bawah s. 15 Akta tersebut.

[13] Selanjutnya, pada 23 Disember 2015 pukul 9 pagi, LPJ bersidang sekali lagi dan susulan itu telah mengeluarkan perintah perubahan pengawasan polis di bawah s. 15(3) Akta tersebut terhadap pemohon, menghendaki pemohon untuk tinggal di kawasan Mukim Gua, Daerah Lipis, Negeri Pahang bagi baki tempoh pengawasan polis pemohon.

Merit Permohonan Oleh Pemohon

[14] Setelah meneliti penghujahan peguam pemohon yang terpelajar, mahkamah ini berpendapat hanya terdapat dua isu utama yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah bagi mencabar keesahan perintah perubahan pengawasan tersebut iaitu:

(a) Ketidakpatuhan kepada s. 15(1) Akta tersebut kerana Balai Polis Padang Tengku bukan terletak di bawah Mukim Telang, Kuala Lipis tetapi di bawah Mukim Gua Kuala Lipis; dan

(b) Ketidakpatuhan kepada s. 15(3) Akta tersebut kerana kelewatan responden menyampaikan perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 kepada pemohon.

[15] Nas-nas duluan yang telah menggariskan prinsip undang-undang di dalam kes-kes yang melibatkan kebebasan individu menjadikan kedudukan undang-undang di dalam sesuatu permohonan semakan kehakiman adalah jelas. Semakan kehakiman hanya boleh dibuat atau dicabar berasaskan kepada isu ketidakpatuhan prosedur sahaja.

[16] Di dalam hal ini mahkamah ingin merujuk kepada dua kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan iaitu *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2005] 3 CLJ 914 dan *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129.

[17] Dalam kes *Lee Kew Sang (supra)*, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti berikut, ujian atau pertimbangan yang dipakai dalam sesuatu permohonan *habeas corpus* yang juga melibatkan undang-undang pencegahan:

> In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the Courts to apply them. So, in a *habeas corpus* application where the detention order of the Minister made under section 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent sections in ISA 1960 and DD (SPM) Act 1985, the first thing that the Courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the Courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the Courts to create procedural requirements because it is not the function of the Courts to make law or rules. If there is no such procedural requirements then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the Courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance.

[18] Di dalam kes *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors (supra)*, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> Preventive detention is, therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that is provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorizing detention without trial must strictly construed and safeguards which the law provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannot be held to be in accordance with procedure established by law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of *habeas corpus* is entitled to avail himself of any technical defect which may invalidate the order which deprives the deponent of his liberty.

[19] Berbalik kepada Akta tersebut yang menjadi teras kepada permohonan pemohon, s. 15A memperuntukkan semakan kehakiman hanya boleh dibenarkan sekiranya terdapat ketidakpatuhan atas prosedur. Seksyen 15A mengatakan:

> 15A. (1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Board in the exercise of its discretionary power in accordance with this Act, except in regard to any question to compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

(2) In this Act, "judicial review" includes proceedings instituted by way of:

(a) an application for any of the prerogative orders of *mandamus*, prohibition and *certiorari*;

(b) an application for a declaration or an injunction;

(ba) a writ of *habeas corpus*; and

(c) any other suit, action or other legal proceedings relating to or arising out any act done or decision made by the Board in accordance with this Act.

[20] Nas-nas memutuskan adalah mencukupi bagi seorang pemohon mendakwa bahawa beliau berada di bawah tahanan salah dan beban membuktikan beralih kepada pihak responden-responden untuk memuaskan mahkamah bahawa penahanan pemohon adalah sah bukan sahaja mengikut prosedur mandatori yang ditetapkan di bawah Akta tersebut bahkan mengikut perlindungan yang telah diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah per. 5, *SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705.

Isu (a) - Balai Polis Padang Tengku Tidak Terletak Di Mukim Telang, Kuala Lipis Tetapi Di Mukim Gua, Kuala Lipis - Ketidakpatuhan s. 15(1) Akta Tersebut

Penghujahan Peguam Terpelajar Pemohon

[21] Peguam terpelajar pemohon menghujahkan menurut perintah pengawasan bertarikh 18 Disember 2015, eks. "LHSS1" di dalam afidavit sokongan tambahan pemohon, pemohon diarahkan untuk menjalani pengawasan di Mukim Telang, Daerah Lipis dan mengarahkan pemohon melapor diri ke Balai Polis Padang Tengku manakala menurut perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015, pemohon diarahkan untuk menjalani pengawasan di Mukim Gua, Daerah Lipis dan diarahkan melaporkan diri di Balai Polis Padang Tengku.

[22] Berkait dengan perintah pengawasan pertama, peguam pemohon mengatakan isunya ialah pemohon diarahkan menjalani pengawasan di Mukim Telang, Daerah Lipis tetapi diarahkan melaporkan diri di Balai Polis Padang Tengku, Kuala Lipis.

[23] Selanjutnya peguam mengatakan, pada 15 Mei 2016 pemohon telah menerima satu perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 daripada seorang anggota polis yang mengarahkan beliau menukar tempat menjalani pengawasan di Mukim Gua, Daerah Lipis. Pemohon mengatakan Balai Polis Padang Tengku bukannya terletak di dalam kawasan Mukim Telang kerana Mukim Telang terletak di dalam Bandar Kechau, Daerah Lipis.

[24] Pemohon mengatakan kecacatan perintah pengawasan pertama yang mengarahkan pemohon supaya melaporkan diri di Balai Polis Padang Tengku yang bukannya terletak di dalam Mukim Telang adalah merupakan

A suatu kecacatan yang serius yang telah menjejaskan keesahan perintah pengawasan pertama tersebut. Peguam telah merujuk kepada kes *Chow Mi Choi v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah* [2015] MLJU 696 di mana YA Collin Lawrence Sequerah PK memutuskan bahawa:

> ... [60] The Order dated 30/12/2014 issued under Section 15(1) provides
B for the Applicant to reside at Mukim Jabi, Daerah Besut, Negeri Terengganu for a period commencing from 30/12/2014.
>
> [61] The applicant was however allowed to reside in One Utama Hotel in Jertih town for three nights instead before being escorted to Mukim Jabi on 3/1/2015.
>
C [66] I therefore hold that by allowing the Applicant to reside at Jerteh town for three nights, the Respondent had contravened the Order dated 30/12/2014 and had therefore breached the provisions of section 15(1)of the Act.

D **[25]** Peguam pemohon juga telah merujuk kepada *Ng See Kit lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* [2017] 2 CLJ 694; [2016] MLJU 516 di mana YA Abu Bakar Katar PK telah membenarkan permohonan semakan kehakiman pemohon dan memutuskan seperti yang berikut:

> ... [46] Mahkamah ini berpendapat apabila wujud dua versi berkaitan Daerah Kuala Nerus atau Daerah Kuala Terengganu, kes yang melibatkan
E kebebasan individu, versi yang menyebelahi Pemohon seharusnya diberikan. Mahkamah ini bersetuju Perintah tersebut terdapat kekaburan khasnya sama ada Pemohon diperintahkan dalam Daerah Kuala Terengganu atau Kuala Nerus.
>
> [47] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan peguam pemohon
F yang terpelajar iaitu pemilihan Daerah yang betul penting sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Sek 15(1) dan (2) Akta tersebut. Mahkamah ini melihat terma-terma Perintah tersebut khasnya di perenggan (a), (c) dan (d) melibatkan peranan Ketua Polis Daerah yang berkenaan. Pemohon seharusnya tidak dikelirukan untuk mematuhi terma-terma yang dinyatakan diatas.

G **[26]** Peguam pemohon seterusnya berhujah apabila perintah pengawasan pertama bertarikh 18 Disember 2015 telah mengarahkan pemohon melaporkan diri di Balai Polis Padang Tengku yang bukannya terletak dalam Mukim Telang maka ianya akan menjejaskan keesahan perintah pengawasan tersebut. Peguam juga mengatakan apa-apa perintah perubahan pengawasan
H bertarikh 23 Disember 2015 yang cuba membetulkan Mukim Telang kepada Mukim Gua juga tidak dapat membetulkan sebarang kecacatan yang berlaku pada perintah pengawasan pertama bertarikh 18 Disember 2015.

[27] Peguam pemohon mengatakan apabila wujudnya kecacatan di dalam
I perintah pengawasan pertama bertarikh 18 Disember 2015 maka ianya akan menyebabkan perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 menjadi tidak sah dan defektif. Pemohon telah pun tinggal di Mukim Telang semenjak 19 Disember 2015 sehingga 15 Mei 2016 di atas perintah

pengawasan pertama bertarikh 18 Disember 2015. Kecacatan telah berlaku selama lebih kurang 144 hari barulah pemohon diserahkan dengan suatu perintah perubahan pengawasan pada 15 Mei 2016.

[28] Peguam pemohon berhujah kecacatan pada perintah pengawasan pertama tidak dapat dibaik pulih dengan pemfailan afidavit jawapan Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid seperti yang diputuskan di dalam kes *Kumareshan Subramaniam v. Dato' Chor Chee Heung & Anor* [2003] 4 CLJ 116.

Penghujahan Oleh Peguam Persekutuan

[29] Peguam Persekutuan terpelajar berhujah menurut relif yang dipohon oleh pemohon di perenggan (a) adalah "kebenaran untuk memfailkan semakan kehakiman bagi perintah pengawasan ke atas pemohon di Mukim Telang, Daerah Lipis, Pahang di bawah suatu perintah pengawasan polis bertarikh 18 Disember 2015 selaras dengan s. 15 APJ adalah tidak sah dan terbatal" yang mana kebenaran tersebut telah diberikan oleh mahkamah ini pada 11 Mei 2016.

Justeru, Peguam Persekutuan mengatakan, memandangkan kebenaran telah diberikan kepada pemohon untuk mencabar perintah pengawasan bertarikh 18 Disember 2015 dan pemohon tidak memohon kebenaran untuk mencabar perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015, isu yang dibangkitkan oleh pemohon adalah tidak bermerit dan wajar ditolak oleh mahkamah.

[30] Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh pemohon, Peguam Persekutuan berhujah dakwaan pihak pemohon bahawa Balai Polis Padang Tengku bukan terletak dalam kawasan Mukim Telang tetapi terletak di Bandar Kechau, Daerah Lipis adalah suatu dakwaan yang tidak berasas oleh pemohon semata-mata kerana tidak disokong oleh apa-apa dokumen.

Sebaliknya responden mengatakan Dato Ahmad Kamal bin Md Shahid di dalam perenggan 19 afidavit jawapan telah menjelaskan tafsiran mukim atau daerah bagi maksud Akta tersebut adalah merujuk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan tanah dan bukannya berdasarkan kawasan pentadbiran seperti yang didakwa pemohon.

[31] Peguam Persekutuan juga berhujah walaupun terdapat dua perintah iaitu perintah pengawasan dan perintah perubahan pengawasan ia tidak menjejaskan keesahan perintah yang telah dikeluarkan terhadap pemohon kerana sekalipun balai polis tersebut tidak berada di mukim yang sepatutnya seperti yang didakwa pemohon, tujuan pelaporan di balai polis adalah untuk memastikan pemohon tidak melanggar syarat-syarat perintah yang telah dikeluarkan terhadapnya. Yang penting adalah prasyarat bagi perintah tersebut dikeluarkan telah dipatuhi oleh responden.

A Pendapat Mahkamah

[32] Seksyen 15(1) Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> The Board may by order direct that any registered person named in the order shall be subject to the supervision of the police for any period not exceeding five years if the Board is satisfied that it is necessary that control and supervision be exercised over the registered person but that it is not necessary to detain him, and may renew any such order for a further period not exceeding five years at a time; and the registered person shall be conveyed under police escort to the State, district, mukim, town or village in which he is required to reside under subsection (2) (if any).

dan s. 15(3) menyatakan:

> (3) The Board may by order in writing served on the registered person, vary, cancel, or add to any restrictions and conditions imposed under this section

[33] Mahkamah ini berpendapat apabila pihak responden sendiri telah mengubah perintah pengawasan bertarikh 18 Disember 2015 maka responden sendiri terkeliru dengan mukim sebenar di mana pemohon ditempatkan. Ia juga bermakna LPJ sendiri telah sedar ada kekaburan di dalam perintah yang telah dikeluarkan tersebut. Manifestasi dari tindakan LPJ ini adalah jelas iaitu sewaktu LPJ mengeluarkan perintah pengawasan bertarikh 18 Disember 2015 dan memerintahkan pemohon dikehendaki tinggal di dalam kawasan Mukim Telang, Daerah Lipis, Negeri Pahang di bawah s. 15(1) Akta tersebut, minda LPJ tidak terarah bahawa Mukim Telang adalah berbeza dengan Mukim Gua atau di dalam erti kata lain Mukim Telang adalah satu mukim yang berlainan atau berasingan dengan Mukim Gua. Minda LPJ juga tidak terarah kepada fakta sebenar bahawa Balai Polis Padang Tengku terletak di Mukim Gua dan bukan di Mukim Telang. Di dalam keadaan kes ini iaitu di dalam keadaan kes yang melibatkan kebebasan individu, apabila wujud kekeliruan dan kekaburan apakah mukim sebenar pemohon dikehendaki tinggal, maka faedah keraguan ini mestilah diberikan kepada pemohon.

Seksyen 15(1) jelas memperuntukkan bahawa "orang berdaftar itu hendaklah dihantarkan di bawah pengawasan polis ke negeri, daerah, mukim, bandar atau kampung yang mana dia dikehendaki bermastautin".

[34] Afidavit jawapan Dato Ahmad Kamal bin Md Shahid di perenggan 19 seperti yang telah dihujahkan olek Peguam Persekutuan tidak dapat memperjelaskan kekeliruan ini kerana adalah nyata dari awal LPJ sendiri terkeliru apakah mukim sebenar Balai Polis Padang Tengku.

Apa jua penjelasan yang cuba diberikan oleh pihak responden tidak dapat diterima oleh mahkamah ini kerana rasionalnya ialah jika benar Balai Polis Padang Tengku terletak di bawah Mukim Telang kenapa perlu perintah

tersebut diubah dengan perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015. Fakta ini secara nyata membuktikan Balai Polis Padang Tengku tidak terletak di bawah Mukim Telang tetapi di bawah Mukim Gua.

[35] Mahkamah ini menerima pakai penghakiman YA Abu Bakar Katar di dalam kes *Ng See Kit v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors* [2016] MLJU 516 dan ianya bermakna semasa LPJ memerintahkan pemohon menjalani pengawasan polis di bawah s. 15(1) Akta tersebut, minda LPJ tidak terarah sama ada pemohon hendak dihantar dan ditempatkan di Mukim Telang atau di Mukim Gua.

Mahkamah berpendapat pemilihan mukim yang betul adalah penting sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 15(1) dan (2) Akta tersebut. Mahkamah telah melihat terma-terma perintah tersebut eks. "DAK2" khasnya di perenggan (a), (c) dan (d) iaitu:

(a) penama hendaklah dikehendaki tinggal dalam kawasan Mukim Telang, daerah Lipis, Negeri Pahang;

(b) …

(c) penama hendaklah sentiasa memberitahu di mana rumah atau tempat penama tinggal kepada Ketua Polis Daerah di mana penama tinggal itu;

(d) penama hendaklah berada di dalam rumah atau tempat di mana penama tinggal di antara jam 8 malam dan 6 pagi melainkan jika penama mendapat kebenaran khas yang sebaliknya daripada Ketua Polis Daerah itu.

(e) …

(f) …

Justeru responden tidak sepatutnya mengelirukan pemohon dari mematuhi terma-terma yang telah dinyatakan tersebut.

[36] Dalam nada yang lebih kurang sama iaitu jika mahkamah menerima pakai kes *Chow Mi Choi (supra)* ianya bermakna dengan membenarkan pemohon tinggal di Mukim Telang sedangkan mukim yang sebenar ialah Mukim Gua, pihak responden telah melanggar perintah pengawasan bertarikh 18 Disember 2015 dan oleh itu LPJ telah memungkiri peruntukan s. 15(1) Akta tersebut.

[37] Oleh kerana responden sendiri terkeliru dengan isu Mukim Balai Polis Padang Tengku sedangkan nas-nas memutuskan di dalam hal perkara yang melibatkan kebebasan individu responden perlu mematuhi dengan ketat kepada tempat dan terma-terma yang dinyatakan di dalam perintah, *Oo Hua Lai lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Satu Lagi* [1990] 2 CLJ 368; [1990] 1 CLJ (Rep) 438; [1990] 3 MLJ 175, *Ooi Cheng Aun v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors* [1990] 1 LNS 59; [1990] 3 MLJ 108,

A *Poh Chin Kay v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor And Other Appeals* [1990] 1 LNS 26; [1990] 2 MLJ 297 dan sebarang pelanggaran tempat yang dinyatakan boleh menyebabkan tahanan atau perintah pengawasan tidak sah maka mahkamah ini telah memberikan faedah keraguan kepada pemohon di atas isu (a) ini. Adalah jelas terdapat "technical
B defects" yang menyebabkan perintah itu tidak sah yang melibatkan kebebasan pemohon, *Kumareshan Subramaniam v. Dato' Chor Chee Heung & Anor* [2003] 4 CLJ 116.

Isu (b)

C Penghujahan Peguam Terpelajar Pemohon

[38] Berkait dengan isu (b), mahkamah bersetuju dengan penghujahan peguam pemohon bahawa permohonan untuk semakan kehakiman bertarikh 21 Mac 2016 telah difailkan sebelum pemohon diserahkan dengan perintah perubahan pengawasan polis di bawah sub-s. 15(3) pada 15 Mei 2016.
D Justeru, adalah mustahil untuk pemohon mencabar perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 yang hanya diserahkan kepada pemohon pada 15 Mei 2016.

[39] Peguam terpelajar pemohon mengatakan merujuk kepada afidavit jawapan pemohon, eks "LS1" iaitu perintah perubahan pengawasan
E bertarikh 23 Disember 2015 terdapat tanda tangan pemohon serta tarikh 15 Mei 2016. Peguam mengatakan berdasarkan kepada tarikh, ianya bermakna perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 hanya diserahkan kepada pemohon pada 15 Mei 2016 iaitu kelewatan selama 144 hari tanpa suatu alasan yang munasabah diberikan oleh pihak responden.

F **[40]** Selanjutnya peguam pemohon mengatakan perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 yang dikemukakan di dalam afidavit jawapan Dato' Ahmad Kamal bin Shahid iaitu eks. "DAK3" tidak terdapat sebarang akuan penyerahan/penerimaan oleh pegawai penyerah dan pemohon.

G **[41]** Peguam pemohon mengatakan responden telah gagal untuk menjawab mahupun menyangkal isu ini kerana afidavit-afidavit ASP Md Sani bin Mohd Salleh dan Koperal Hafizul bin Zakaria masing-masing bertarikh 3 Ogos 2016 tidak ditandatangani dan tidak diendorskan oleh seorang Pesuruhjaya Sumpah. Oleh yang demikian, peguam berhujah afidavit ASP
H Md Sani dan Koperal Hafizul yang mendakwa ada menyerahkan perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 kepada pemohon pada 25 Disember 2015 tidak boleh diterima pakai sebagai keterangan dan haruslah diketepikan oleh mahkamah.

I **[42]** Peguam mengatakan adalah prinsip undang-undang yang mantap bahawa apabila sesuatu isu yang material telah dicabar atau dibangkitkan oleh sesuatu pihak dan tidak dijawab atau disangkal, maka ianya merupakan suatu penerimaan di suatu pihak yang lain. Justeru, oleh kerana responden

tidak menjawab isu ini, maka pihak responden telah menerima isu ini bahawa perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 hanya diserahkan kepada pemohon pada 15 Mei 2016 suatu ketidakpatuhan kepada prosedur mandatori.

[43] Peguam telah merujuk kes *Soo Chong Liang v. Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors*, Semakan Kehakiman No: 25-04-02-2015, Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Terengganu di mana mahkamah telah membenarkan permohonan semakan kehakiman pemohon apabila mahkamah berpuas hati bahawa terdapat perlanggaran kepada s. 10(4) Akta tersebut di mana telah berlaku kelewatan dalam penyerahan perintah pengawasan polis kepada pemohon yang tidak dibuat secara serta merta.

Berbalik kepada kes ini peguam berhujah oleh kerana pemohon hanya diserahkan dengan perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015 pada 15 Mei 2016 maka telah berlaku kelewatan selama 144 hari yang jelasnya suatu ketidakpatuhan prosedur mandatori.

Penghujahan Peguam Persekutuan Bagi Pihak Responden

[44] Peguam Persekutuan mengatakan merujuk kepada perenggan 5 afidavit jawapan ASP Md Sani bin Md Salleh dan di perenggan yang sama afidavit jawapan Koperal Hafizul, ia secara jelas menyatakan bahawa perintah perubahan pengawasan telah dikemukakan kepada pemohon pada 25 Disember 2015. Sebab-sebab kelewatan dua hari juga telah dijelaskan oleh Koperal Hafizul di perenggan 6 afidavit jawapannya.

[45] Berkait dengan dakwaan pemohon bahawa pihak responden telah tidak menyangkal atau menjawab berkenaan akuan penyerahan atau penerimaan perintah perubahan pengawasan kepada pemohon, perenggan 7 afidavit jawapan pemohon telah menjawab isu ini seperti berikut:

> Saya telah terlepas pandang untuk mengambil tandatangan Pemohon sebagai akuan penerimaan Perintah Perubahan tersebut. Saya dengan rendah diri memohon maaf ... Saya sesungguhnya menyatakan perkara tersebut berlaku adalah tidak disengajakan dan sesungguhnya tidak memprejudiskan Pemohon.

[46] Berkait dengan dakwaan pemohon bahawa kedua-dua afidavit jawapan di atas tidak diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, pihak responden mengatakan dakwaan ini adalah dakwaan yang tidak berasas kerana rujukan pada ms. 4 afidavit jawapan ASP Md Sani dan ms. 5 afidavit jawapan Koperal Hafizul jelas menunjukkan ianya diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah pada 3 Ogos 2016.

[47] Peguam Persekutuan selanjutnya berhujah ASP Mohd Sani dan Koperal Hafizul hanya menjalankan tugas rasmi mereka dan tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi ke atas kes pemohon dan merujuk kepada kes *Su Yu Min v. Ketua Polis Negeri & Ors* [2005] 3 CLJ 875 yang memutuskan:

A ... the court had no reason to disbelieve Mohd Andri, who was merely performing an official duty in which he had no personal interest. The applicant however was trying to secure his release from restricted residence and was not averse at putting at slant on things to suit his case ...".

B Pendapat Mahkamah Ini

[48] Mahkamah dapati bantahan oleh pemohon bukan satu bantahan yang tidak berasas. Bantahan pemohon ini bukan hanya merupakan satu bantahan kosong bagi menyokong permohonan beliau tanpa apa-apa asas fakta yang kukuh.

C

[49] Mahkamah bersetuju dengan penghujahan responden bahawa pihak polis hanya menjalankan tugas tetapi tugas tersebut haruslah dijalankan dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Tambahan pula ia melibatkan kebebasan individu, satu hak asasi yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan. Seharusnya di dalam kes-kes sebegini, elakkan daripada
D sebarang tindakan yang akan membangkitkan kekeliruan dan kekaburan akibat kegagalan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna.

[50] Berbalik kepada fakta kes ini adalah wajar untuk kita melihat kepada
E dua dokumen yang material. Pertamanya ialah perintah pengawasan bertarikh 18 Disember 2015 iaitu eks. "DAK2" di dalam afidavit jawapan Dato Ahmad Kamal. "DAK2" menunjukkan setelah diserahkan kepada pemohon, pegawai penyerah ada menurunkan tanda tangan. Pemohon juga ada menurunkan tanda tangan sebagai tanda penerimaan. Bahkan terdapat seorang jurubahasa Tamil bernama Umanathan a/l Krishnan yang telah
F menerangkan isi kandungan butiran perintah pengawasan kepada pemohon di dalam Bahasa Tamil/loghat Tamil juga tidak lupa untuk menurunkan tanda tangan. Berbeza dengan perintah perubahan pengawasan iaitu eks. "DAK3" sewaktu diserahkan kepada pemohon, pegawai penyerah tidak menurunkan sebarang tanda tangan dan tidak ada jurubahasa Tamil yang menurunkan
G tanda tangan.

[51] Apabila pihak polis gagal menjalankan tugas dengan sempurna maka akan wujudlah konflik kerana pemohon mendakwa beliau hanya diserahkan dengan perintah perubahan pengawasan pada 5 Mei 2016 iaitu kelewatan selama 144 hari dari perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember
H 2015. Seperti yang mahkamah katakan ini bukan dakwaan kosong pemohon semata-mata kerana di dalam perintah perubahan pengawasan tersebut terdapat tanda tangan pemohon dan tercatit tarikh 5 Mei 2016 yang dikatakan oleh pemohon sebagai tarikh penerimaan perintah perubahan pengawasan tersebut. Tanpa bukti yang konkrit dari pihak responden bahawa
I perintah perubahan pengawasan itu diserahkan kepada pemohon pada tarikh 25 Disember 2015, di dalam keadaan di mana terdapat dua versi keterangan,

maka mahkamah mestilah menerima keterangan yang memihak kepada pemohon. Nas-nas memutuskan di dalam kes-kes yang melibatkan kebebasan individu pemohon berhak untuk mengemukakan versi yang memihak kepadanya.

[52] Di dalam keadaan seperti ini mahkamah berpendapat apa yang diikrarkan oleh Kpl Hafizul bahawa beliau telah terlepas pandang, permohonan maaf kepada mahkamah serta alasan bahawa beliau hanya menjalankan tugas awam tanpa apa-apa kepentingan peribadi bukanlah satu dalihan yang memberi hak kepada mahkamah ini untuk memberi faedah keraguan kepada pihak responden bersandarkan kepada fakta dan keadaan kes ini.

[53] Adalah tidak wajar untuk mahkamah memberikan faedah keraguan kepada pihak responden kerana mahkamah dapati amalan menurunkan tanda tangan selepas satu-satu dokumen diserahkan adalah satu amalan yang standard. Tujuannya adalah untuk membuktikan penerimaan dan penyerahan sesuatu dokumen. Tambahan pula di dalam kes-kes sebegini, isu-isu yang melibatkan kelewatan penyerahan dokumen merupakan isu-isu yang sering menjadi topik pertikaian dan terdapat banyak kes-kes di mana permohonan semakan kehakiman telah dibenarkan akibat kelewatan menyerahkan dokumen di antaranya sesalinan dapatan pegawai inkuiri seperti kes *Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* [2015] 5 CLJ 223 dan *Soo Chong Liang* (*supra*).

[54] Jika semasa perintah pengawasan bertarikh 18 Disember 2015 pihak polis boleh mengikuti amalan yang standard, mahkamah tidak nampak kenapa amalan yang baik ini tidak diikuti untuk penyerahan perintah perubahan pengawasan bertarikh 23 Disember 2015.

[55] Bukan itu sahaja isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon berkait dengan perintah perubahan pengawasan. Isunya menjadi semakin kritikal apabila pemohon berjaya membuktikan di dalam afidavit yang dikemukakan oleh kedua-dua polis tersebut iaitu Koperal Hafizi dan ASP Md Sani tidak ditandatangani dan tidak diendorskan oleh seorang Pesuruhjaya Sumpah.

[56] Kesemua keterangan ini pada mahkamah membuktikan kelemahan di dalam pengendalian kes pemohon oleh pihak responden begitu ketara. Jika Dato Ahmad Kamal bin Md Shahid, seorang pengerusi LPJ telah mendapatkan tanda tangan dan endorsmen seorang Pesuruhjaya Sumpah di dalam setiap afidavit yang diikrarkannya, kenapa bukan satu tetapi dua orang polis yang terlibat iaitu Koperal Hafizul dan ASP Mohd Sani tidak berbuat demikian. Sekali lagi mahkamah ingin mengulanginya di sini, adakah permohonan maaf, saya terlepas pandang, saya hanya menjalankan tugas dan saya tidak mempunyai apa-apa kepentingan mencukupi untuk mahkamah menerima afidavit pihak responden.

[57] Mahkamah berpendapat jika berlaku satu kesilapan ia mungkin tidak disengajakan tetapi jika ianya berulang maka ia adalah suatu kesilapan yang disengajakan dan tidak boleh dikompromi oleh mahkamah.

[58] Oleh kerana afidavit-afidavit Kpl Hafizul dan ASP Md Sani tidak ditanda tangan dan tidak diendors oleh Pesuruhjaya Sumpah maka ianya bermakna afidavit yang diikrarkan oleh mereka tidak diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Justeru, tanpa afidavit dari pihak responden, mereka telah gagal untuk mematahkan alegasi pemohon bahawa perintah perubahan pengawasan itu hanya diserahkan kepada mereka pada 5 Mei 2016 dan bukan 25 Disember 2015 seperti yang didakwa oleh pihak responden seperti yang telah diputuskan oleh mahkamah di dalam kes *Nagaraja Ponusamy v. Menteri dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 4 CLJ 133:

> The answer to this question is well settled by a legion of authorities we find unnecessary to cite. It is this. Where the deponent to an affidavit makes a positive assertion, which is not inherently incredible or inherently improbable, and his opponent in his affidavit does not credibly deny that allegation, a court should accept the former assertion as standing unrebutted.

[59] Mahkamah ini sedar bahawa di dalam kes *Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2006] 4 CLJ 687 FC, Mahkamah Persekutuan telah menggariskan keadaan di mana sesuatu ketidakpatuhan apa-apa prosedur yang dikategorikan sebagai keperluan mandatori sahaja yang membolehkan mahkamah untuk membatalkan sesuatu keputusan yang dibuat. Di dalam kes tersebut mahkamah telah memutuskan bahawa jika suatu keperluan prosedur itu tidak mengakibatkan ketidakadilan yang ketara kepada pemohon, maka ia hanya bersifat direktori dan mahkamah tidak akan membatalkan perintah yang dikeluarkan atas ketidakpatuhan ini.

[60] Perenggan (8) *Muhammad Jailani Kassim* memutuskan seperti berikut:

> The effect of a breach of such procedural requirements had been considered in a number of cases. See, for example, *Puvaneswaran v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1991] 3 CLJ 649 (Rep); [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 MLJ 28; *Low Teng Hai v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Others* [1992] 2 CLJ (Rep) 816 and *Aw Ngoh Leong v. Inspektor General of Police* [1993] 1 CLJ 373; [1993] 1 MLJ 65. It has been recognised in these cases that a procedural requirement maybe mandatory or directory. A mandatory requirement is one that goes to the root of the matter and is of direct relevance to the detention order. The breach of a mandatory requirement will render the detention order invalid without the need to establish any prejudice. The breach of a procedural requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance with the rules with no prejudice having been suffered by the detainee. However it must be observed that the power of the Court to intervene is limited to only matters of compliance with procedural requirements by section 11C(1) of the Act ... .

[61] Kemungkinan benar bahawa, walaupun sekilas pandang kegagalan pihak responden untuk mengambil tanda tangan penerima, menurunkan tanda tangan penyerah, kegagalan untuk mendapatkan tanda tangan dan endorsmen Pesuruhjaya Sumpah bukan merupakan suatu ketidakpatuhan prosedur kerana tiada keperluan prosedur yang memperuntukkan sedemikian dan jika ada ianya lebih bersifat kepada ketidakpatuhan arahan semata-mata berbanding ketidakpatuhan prosedur mandatori tetapi kesan defektif yang wujud akibat dari keseluruhan kegagalan tersebut menyebabkan ia menjurus kepada ketidakpatuhan prosedur mandatori.

[62] Berasaskan fakta kes ini adalah jelas bahawa kerana kegagalan pihak responden meminta pihak pemohon menurunkan tanda tangan pada perintah perubahan pengawasan dan kegagalan pihak responden mengikrarkan afidavit menyebabkan pihak responden tidak dapat menyangkal alegasi pemohon bahawa perintah perubahan pengawasan itu hanya diserahkan kepada mereka pada 5 Mei 2016 iaitu kelewatan selama 144 hari sedangkan sepatutnya perintah tersebut patut diserahkan dengan segera kepada pihak pemohon. Oleh itu adalah jelas bahawa perintah perubahan pengawasan diserahkan lewat kepada pemohon yang sepatutnya diserahkan dengan kadar segera. Ia adalah satu kecacatan prosedur mandatori yang mewajarkan pemohon mempertikaikan perintah tersebut.

Kesimpulan

[63] Berdasarkan kedua-dua alasan di atas yang menjadi asas kepada mahkamah ini, adalah didapati bahawa pihak pemohon telah berjaya membuktikan adanya ketidakpatuhan prosedur oleh pihak responden. Oleh itu permohonan semakan kehakiman oleh pemohon dibenarkan dengan kos RM3,000.